



Sebahagian daripada peserta Program Kepimpinan Mahasiswa Islam Perdana di Negeri Sembilan.

Siswa 5 IPTA berkampung di Kem D'Agroloka

Jejenuh: Seramai 105 mahasiswa dari lima institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berkampung di Kem D'Agroloka, Negeri Sembilan bagi menyertai Program Kepimpinan Mahasiswa Islam Perdana, baru-baru ini.

Program anjuran bersama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) itu mengumpulkan mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknikal Melaka (UTEM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai mencerminkan komitmen universiti dalam melahirkan bakal pemimpin berwibawa.

Timbalan Pengarah Program, Amin Al-Haadi Shafie, berkata program bertujuan mengasah bakat kepimpinan dalam kalangan pemimpin muda Islam di universiti dengan mengaplikasikan konsep kepimpinan Islam yang betul.

"Program ini memberi pendedahan berkesan kepada peserta selain berperanan sebagai medan perbincangan dan bertukar-tukar fikiran mengenai konsep kepimpinan Islam antara peserta.

"Melihat kepada sambutan terhadap program ini, kami bercadang untuk mengadakan program siri kedua pada cuti semester yang akan datang dengan menarik lebih ramai lagi penyertaan daripada IPTA lain," katanya.

Manfaat aktiviti

Di samping pengisian dalaman seperti ceramah dan forum, peserta juga diberi peluang untuk mengikuti program bersama-sama masyarakat Orang Asli di Kampung Ulu Kelaka

sekali gus memberi peluang kepada mereka mengenali budaya masyarakat Orang Asli dan menonjolkan nilai keperibadian Muslim menerusi program yang dijalankan.

Peserta, Muhammad Rais Abd Karim dari UnisZA berpendapat pengisian dan aktiviti dalam program kepimpinan sebegini dapat membentuk semangat kerja berpasukan, percaya kepada pemimpin, sifat tolong-menolong dan berani berhadapan dengan sebarang bentuk kesukaran.

Program yang dikelola secara bersama Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar itu dirasmikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dollah.



PROGRAM INI MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA PESERTA SELAIN BERPERANAN SEBAGAI MEDAN PERBINCANGAN DAN BERTUKAR-TUKAR FIKIRAN MENGENAI KONSEP KEPIMPINAN ISLAM"

Amin Al-Haadi Shafie,
Timbalan Pengarah Program



Peserta turut didedahkan dengan pengisian ceramah dan forum.